

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN RASMI BAHAN TAMPALAN GIGI TERKINI (SILVERFIL)  
SYARIKAT DUNIA PERWIRA SDN. BHD

TEMPAT: TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA

TARIKH : 12 APR 2001

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Syarikat Dunia Perwira Sdn. Bhd. kerana menjemput saya bagi melancarkan Bahan Tampalan Gigi Terkini (Silverfil) pada hari ini.

2. Saya berasa bangga dan mengucapkan syabas kepada Dr. Radhakrishnan yang merupakan penyelidik bagi produk ini dan syarikat Dunia Perwira yang memberikan sokongan kewangan dan moral dalam usaha penyelidikan bagi menghasilkan satu produk tampalan gigi yang unik dan terkini. Kejayaan ini membuktikan rakyat Malaysia juga berkemampuan dan berjaya menghasilkan satu produk berteknologi tinggi di bawah kategori bioteknologi yang berasaskan R&D.

3. Adalah difahamkan bahawa silverfil yang terhasil daripada penyelidikan selama tujuh tahun ini merupakan produk unggul yang masih belum ditemui di mana-mana negara di dunia. Sehingga kini tampalan gigi yang digunakan di seluruh dunia adalah mengandungi bahan campuran perak, timah dan tembaga. Namun silverfil yang dicipta oleh syarikat tempatan ini cuma menggunakan perak sahaja dan bahan 'reactive' yang terhasil telah dapat menyerap keseluruhan raksa semasa membancuh. Ternyata silverfil telah dapat mengurangkan risiko kesan raksa yang mendatangkan kemudaratan kepada manusia khususnya ibu yang mengandung. Apa yang lebih membanggakan adalah hasil ciptaan ini juga telah menerima 'patent rights' daripada sebilangan besar negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan negara-negara Eropah.

4. Usaha ke arah mewujudkan hasil produk berasaskan R&D seumpama ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang menggalakkan anak-anak tempatan mencari penemuan-penemuan baru atau menambah nilai bagi produk-produk keluaran lama. Dengan itu produk tempatan akan dapat bersaing dengan produk-produk asing di pasaran terbuka dan antarabangsa. Kerajaan sedar penglibatan pihak swasta serta Kerajaan sendiri dalam menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan masih berada di tahap yang rendah. Sebagai sebuah negara yang hendak melangkah ke era maju, semua pihak harus memberi keutamaan dalam R&D bagi meningkatkan mutu keluaran produk tempatan.

5. Bagaimanapun, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan ke arah itu melalui program-program di bawah 'The Intensification of Research in Priority Areas' (IRPA), mewujudkan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN), memperkemaskan agensi-agensi dan institusi-institusi R&D bagi meliputi bidang penyelidikan yang lebih luas serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bersama antara sektor swasta, institusi penyelidikan dan pihak universiti, mewujudkan Taman Teknologi Malaysia, MIGHT serta Jawatankuasa Kerja Sains dan Teknologi di bawah MTEN dan MAPEN II.

6. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum selain daripada usaha-usaha yang disebutkan, Kerajaan melalui beberapa Kementerian dan agensi telah menyediakan pelbagai program, insentif dan bantuan kewangan bagi menggalakkan aktiviti R&D dan juga bagi meningkatkan kemahiran guna tenaga dalam R&D. Di samping itu terdapat juga insentif untuk Hi-Tech Industries, Tabung IRPA, Skim Geran R&D bagi Industri (IGS), Sekim Geran R&D bagi Multimedia Super Corridor, Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF) juga Tabung Pembangunan Tenaga Manusia bagi Sains dan Teknologi.

7. Kerajaan juga menyediakan kemudahan 'venture capital' bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk meningkatkan lagi aktiviti R&D melalui 'Malaysian Technology Development Corporation' (MTDC) yang merupakan sebuah syarikat usahasama di antara Kerajaan dan sektor swasta bagi mempertingkatkan usaha-usaha untuk memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan.

8. Di dalam usaha untuk membangunkan usahawan di bidang teknologi, Kementerian Pembangunan Usahawan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program yang menjurus kepada pewujudan lebih ramai 'technopreneur' di kalangan usahawan Bumiputera. Antara program yang sedang dilaksanakan ke arah ini adalah Program Menemukan Usahawan dan Teknologi, juga Program Pembangunan 'Technopreneur' Bumiputera. Bagi menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang teknologi tinggi, pada tahun lalu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pinjaman Dana Modal Teroka Berteknologi Tinggi sebanyak 20 juta Ringgit yang diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan dilaksanakan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB). Dana ini penting dalam membantu usahawan Bumiputera mendapatkan sokongan modal teroka untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan penyertaan dalam bidang-bidang teknologi tinggi.

10. Bagi membantu mengekalkan daya saing dalam

menghadapi cabaran akan datang, pelbagai pendekatan perlu dilaksanakan dengan memberi fokus kepada program-program berbentuk inovatif. Ianya bertujuan untuk menggalakkan aktiviti R&D di kalangan MNCs, juga firma tempatan bagi mempertingkatkan keupayaan teknologi yang akhirnya dapat membangunkan teknologi tempatan. Dalam hubungan ini juga, peranan institusi-institusi penyelidikan dan pihak-pihak universiti, amat penting dalam mempertingkatkan kegiatan penyelidikan yang berorientasikan pemasaran yang dapat diperdagangkan. Adalah diharapkan pihak-pihak universiti dapat melatih para pelajar bagi melengkapkan mereka sebagai bakal guna tenaga teknikal yang dapat meneruskan kegiatan pembangunan teknologi, R&D dan menampung keperluan guna tenaga mahir yang amat diperlukan di sektor-sektor industri negara. Lebih daripada itu para graduan daripada bidang teknologi ini kelak diharapkan akan menjadi 'technopreneur' yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Namun semua harus ingat bahawa pengetahuan berkenaan teknologi tanpa kecekapan penyusunan perniagaan tidak akan menjayakan penglibatan dalam perdagangan.

11. Wawasan untuk menjadi Malaysia negara perindustrian yang maju tidak akan tercapai sekiranya kita tidak mempunyai tenaga penggerak yang mencukupi bagi merealisasikan wawasan itu. Keperluan menyediakan guna tenaga teknikal, berpengalaman dan berkemahiran yang ramai kian kritikal dengan perkembangan ekonomi negara yang begitu pantas di alaf baru dan globalisasi, di mana negara perlu bersaing dengan negara-negara lain di dunia yang semakin kompetitif. Justeru itu perlu disemaikan pada setiap rakyat negara ini tentang pentingnya minat terhadap sains dan teknologi dan mempunyai budaya mencipta agar dapat turut sama membangunkan Malaysia sebagai negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020.

12. Di pihak usahawan pula, saya berharap konsep 'paradigm shift' perlulah dihayati sepenuhnya. Para usahawan Malaysia perlu peka terhadap perubahan sistem ekonomi dunia dengan mengorak langkah untuk mencari pasaran luar selain dari pasaran tempatan. Usahawan perlu sedar dunia adalah pasaran kita sekarang. Usahawan yang berwibawa seharusnya dapat mengekalkan sikap komited, berinovasi dan melaksanakan pembaharuan yang berterusan. Komitmen untuk mengeluarkan produk yang berinovasi perlulah mencapai kualiti tinggi yang dapat memenuhi kehendak pengguna.

13. Dalam hubungan ini, usaha inovatif Dr. Radhakrishnan dan Syarikat Dunia Perwira Sdn. Bhd. dalam bidang penciptaan produk bioteknologi berasaskan R&D seumpama ini amatlah membanggakan dan adalah diharapkan syarikat-syarikat lain akan turut mengambil langkah yang serupa bagi menyemarakkan lagi budaya R&D ini. Adalah diharapkan supaya pihak syarikat dapat

memaksimalkan penggunaan sumber-sumber yang ada dengan melaksanakan pengkhususan kerja dengan melantik syarikat lain untuk mengeluarkan dan memasarkan produk ini. Melalui pendekatan ini pihak syarikat yang mempunyai kepakaran di bidang penyelidikan dapat terus menjalankan penyelidikan bagi banyak lagi produk dan pada masa yang sama penemuan yang dihasilkan dapat dikomersialkan dan dipasarkan oleh syarikat lain ke seluruh negara termasuk pasaran dunia.

14. Sebelum mengakhiri ucapan ini saya sekali lagi mengucapkan selamat maju jaya kepada Dr. Radhakrishnan dan Syarikat Dunia Perwira Sdn. Bhd., semoga terus mempertingkatkan usaha mencipta produk berteknologi tinggi berasaskan R&D dan semoga mencapai matlamat seperti yang telah dirancang oleh syarikat. Adalah diharapkan Syarikat Dunia Perwira Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat lain di negara kita dapat memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan melalui pelbagai agensinya demi untuk membangunkan perniagaan dan meningkatkan usaha ke arah pembangunan industri berasaskan teknologi dan R&D.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Bahan Tampalan Gigi Terkini (Silverfil) oleh Syarikat Dunia Perwira Sdn. Bhd.